

Taufik dilantik Presiden MPP UMS sesi 2015/2016

UB 17.10.2015 A2

Oleh SURAIDAH
ROSLAN

KOTAKINABALU: Calon Aspirasi Mahasiswa, Mohd Taufik Nordin diumumkan sebagai Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dalam Majlis Watikah Pelantikan MPP, UMS sesi 2015/2016, di sini kelmarin.

Aspirasi Mahasiswa memenangi kesemua 10 kerusi umum yang dipertandingkan dalam Pilihan Raya Kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diadakan pada Khamis (15 Okt) lalu.

Daripada jumlah itu, tujuh kerusi umum yang dipertandingkan melibatkan kampus induk, satu kerusi untuk Kampus Sandakan manakala, dua kerusi untuk Kampus Antarabangsa Labuan (KAL).

Turut membarisi MPP 2015/2016 adalah Asmah Kadir (Timbalan Presiden MPP); Amos Peter (Naib Presiden Kampus Antarabangsa Labuan); Muhammad Fahmi Ahmad (Naib Presiden Kampus Sandakan); Siti Rahina Ibrahim (Setiausaha Agung), Mas Adibah Abd Rafar (Setiausaha



HARUN (kiri) menyampaikan watikah pelantikan kepada Presiden MPP 2015/2016, Taufik (dua kanan) sambil disaksikan oleh Ismail (dua kiri).

Kehormat) dan Jessica Chin Yen Yen (Bendahari).

Majlis penyampaian watikah itu disempurnakan oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Harun Abdullah dan turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Hepa) Prof Madya Dr Ismail Ali.

Dalam pilihan raya kampus itu, 22 kerusi fakulti turut dipertandingkan yang mana, 17 kerusi bagi kampus induk dan tiga kerusi untuk KAL serta dua kerusi dipertandingkan

untuk kampus Sandakan.

Aspirasi Mahasiswa memenangi kesemua kerusi fakulti yang dipertandingkan untuk kampus Kota Kinabalu, KAL dan Sandakan.

HARUN (duduk-lima kiri) bersama Taufik (duduk-empat kiri) bergambar dengan barisan pegawai-pegawai kanan UMS dan barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2015/2016.

